

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, June 9, 2019 3:15 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Usung Jenazah Sejauh 7 Kilometer – UUM Sertai Projek Perkuburan Islam Di Kemboja



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

09 JUN 2019 / 05 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

USUNG JENAZAH SEJAUH 7 KILOMETER – UUM SERTAI PROJEK PERKUBURAN ISLAM DI KEMBOJA



UUM ONLINE: Setiap kali berlaku kematian, penduduk terpaksa mengusung jenazah dengan berjalan kaki sejauh 7 kilometer (km) untuk ke kampung lain ditambah pula keadaan jalan yang tidak rata, berlubang dan becak menambah azab kepada penduduk.

Atas rasa simpati sesama saudara, Kelab Ukhuwwah, Pusat Islam UUM dengan kerjasama Rakan-Rakan Projek Syahadah melancarkan Projek Wakaf Tambun Tanah 500 lori Perkuburan Islam di Kampung Tol Cham Phlu Kemboja.

Menurut Mudir Madrasah Maryam, Kemboja Ustaz Mosa bersyukur dengan keprihatinan rakyat Malaysia yang bersungguh-sungguh dalam merealisasikan usaha murni ini.

“Jika ada penduduk yang meninggal dunia, kami terpaksa membawa jenazah dengan cara mengusung berjalan kaki atau menggunakan kobota pada musim hujan kerana jalan yang berlubang dan becak untuk mengebumikan jenazah.

“Keadaan ini sangat menyukarkan dan memenatkan penduduk yang kekurangan dari segi kemudahan kini dengan adanya tanah perkuburan ini dapat menyelesaikan masalah penduduk selama ini,” katanya.

Pihak kelab hanya menumpukan kepada kampung ini sahaja bagi tujuan pembangunan masyarakat akan dapat dilihat dari masa ke semasa.

Ustaz Mosa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang terutama UUM, Sahabat Masjid UPM, Rakan-Rakan Projek Syahadah dan individu yang banyak menyokong usaha kelab sehingga terbentuk Pusat Komuniti dan Pendidikan Islam di kampung Tol Cham Phlu Battambang Kemboja.

Sementara itu, pegawai Pusat Islam, Mohd Yusnaidi Md Sabri berkata, projek ini dilaksanakan bagi membantu menyediakan tanah perkuburan yang belum ada di kampung tersebut.

“Alhamdulillah, ada hamba Allah yang pemurah telah membeli sebidang tanah untuk diwakafkan dijadikan Tanah Perkuburan Islam.

“Kawasan ini asalnya merupakan sawah padi dan tanah tidak rata, maka tanah perlu ditambun sehingga rata bagi mengelakkan takungan air dan banjir yang menelan belanja sebanyak USD 6,600 bersamaan dengan RM27,930.

Dengan adanya Tanah Perkuburan ini membantu penduduk kampung menyelesaikan masalah mereka apabila berlaku kematian yang terpaksa berjalan jauh untuk urusan pengebumian.

Menurutnya, Kelab Ukhuwwah Pusat Islam merupakan kelab kebajikan yang telah menganjurkan Program CSR Kg Tol Cham Phlu Kemboja sejak 2013, setiap tahun.

“Semuanya bermula hanya dengan menganjurkan Ibadah Korban dan Akikah di Kemboja namun semakin berkembang sehingga dapat mewujudkan Pusat Komuniti dan Pendidikan Islam Kg. Tol Cham Phlu Battambang Kemboja.

“Pusat ini telah mempunyai kemudahan seperti masjid, sekolah, tempat memasak, Sistem tapisan air bersih yang terbaru Tanah Perkuburan Islam,” katanya.

Semua kemudahan ini diwujudkan supaya menjadi tempat tumpuan dan perjumpaan masyarakat di kampung tersebut dan sekitar dengan harapan memberi semangat kepada mereka untuk terus belajar dan mengamalkan ajaran Islam.

Mengulas aktiviti di bulan Ramadan, kelab Ukhuwwah membuat kutipan sumbangan untuk majlis berbuka puasa pada setiap hari dengan kos tajaan RM250 manakala untuk tajaan sahur pada 10 malam terakhir berjumlah RM200.

Menggunakan medium media sosial untuk mewar-warkan kutipan, sumbangan diterima dari pelbagai negara seperti Brunei dan Singapura.

“Program Ihya Ramadhan ini memberi peluang kepada penduduk merasai kenikmatan suasana bulan Ramadan dengan solat berjemaah, solat Tarawih, iktikaf, gotong-royong memasak juadah berbuka puasa sekali gus mengukuhkan silaturahim,” tambahnya.

Pengarah Pusat Islam, Prof Madya Dr. Ismail Ishak, apa yang dilakukan oleh ahli Kelab Ukhuwwah Pusat Islam sedikit sebanyak membantu meningkatkan syiar Islam di Kemboja yang serba-serbi kekurangan.

“Pihak kelab memberi fokus sepenuhnya terhadap pembangunan masyarakat kampung mendekati Islam, perkembangan positif dapat dilihat dari masa ke semasa dan semoga lahir generasi soleh yang akan meneruskan legasi dakwah Islam di Battambang,” ujarnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.